



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

**( KEUTAMAAN KEPADA ANAK NEGERI SEMBILAN )**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

BIL	NAMA JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
			MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	Akauntan Gred WA41 [Tetap]	1	RM2,820.00	RM9,585.00	RM225.00
2.	Pegawai Tadbir Gred N41 [Tetap]	1	RM2,080.00	RM9,546.00	RM225.00

\* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

**A. SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi dari 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**B. KELAYAKAN LANTIKAN:**

**1. AKAUNTAN GRED WA41 [TETAP]**

**[1 KEKOSONGAN]**

- i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau

- ii) Lulus peperiksaan akhir Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau

- iii) Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41 : RM2,820.00).

- iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred (C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(i), 1(ii), 1(iii) dan 1(iv); dan

- b) Had umur pelantikan:

- i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- c) Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

## **2. PEGAWAI TADBIR GRED N41 [TETAP]**

**[1 KEKOSONGAN]**

- i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM2,080.00); atau
- ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah Gred N41 : RM2,283.43)
- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred (C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- a) i) Mempunyai kelayakan di perenggan 2(i), 2(ii), 2(iii); atau  
  
ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) Had umur pelantikan:
  - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- c) Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

### C. CARA MEMOHON

- i) Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web rasmi MPPD di [www.mppd.gov.my](http://www.mppd.gov.my).
- ii) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas)/Penghulu/Pengerusi JKKK.
  - a. Gambar warna ukuran pasport;
  - b. My Kad/Kad Pengenalan;
  - c. Sijil kelahiran (surat beranak);
  - d. Sijil berhenti sekolah;
  - e. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
  - f. Ijazah dalam bidang yang berkaitan;
  - g. Sijil-sijil berkaitan.
- iii) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan **Laporan Prestasi Tahun 2018 (perlu diakui sah oleh Ketua Jabatan di setiap helaian)**.
- iv) Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Port Dickson,  
Km 1, Jalan Pantai,  
71009 Port Dickson.  
(u.p.: Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

### D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 06 DISEMBER 2019

### E. PERMOHONAN YANG BERIKUT AKAN DITOLAK SEKIRANYA:

- i) Borang permohonan tidak lengkap atau tidak bergambar;
- ii) Tidak memenuhi syarat iklan; dan
- iii) Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah dan tidak ditandatangani.

### F. PERHATIAN

- i) Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ujian bertulis dan temu duga melalui panggilan telefon atau surat.
- ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya (tiada makluman bersurat/telefon akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson).
- iii) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah **MUKTAMAD**.